

## Faktor dan Cabaran Pertukaran Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Malaysia

Farahwahida Mohd Yusof<sup>a\*</sup>, Arieff Salleh Rosman<sup>a</sup>, Azmi Shah Suratman<sup>a</sup>, Mohd Nasir Ripin<sup>a</sup>, Aminuddin Ruskam<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: farahwamy@utm.my

### Article history

Received :20 March 2012  
Received in revised form :17 July 2012  
Accepted :18 August 2012

### Abstract

The problem of apostasy in Malaysia has been a polemic which concerns everyone especially among the Malay community. The term of Malay under the Federal Constitution is defined as professes the religion of Islam, speaks Malay and practices Malay culture. Basically, Islam and Malay according to definition of Constitution should never be separated. This article discusses about the vagueness of position and the role of Islam in the Federal Constitution and the Laws of Malaysia, which caused the effort of defending the Islamic theology of Muslims in law seemed less effective. It is also discussed about the challenges of religious conversion among the Malay-Muslims in Malaysia, starting with the incident of Natrah in 1950 until the modern age of globalization now. The increasing number of cases of the religious conversion among the Malay-Muslims from time to time raised fears of many people. It was recorded from the year 1999–2003, there were 750 applications to change a name from Muslim to non-Muslim at the National Registration Department (JPN) (Mohd Azam Mohamed Adil, 2006). Next, this article analyzes the factors that led to the religious conversion in the midst of community. Based on the study, the factor that contributed to the religious conversion is due to the lack of education and ignorance of religion, love, coeval marriage, religious missionary movement and the process of modernization, the relaxation of laws, the administration of religion and community's leader, Islamic education system, less role missionary, discrimination of convert muslims. Finally, this article discusses about the issue of apostasy from the viewpoint of the constitution and Islam.

*Keywords:* Apostacy; factor of changing religion; Malay-Muslim; federal constitution; management of Islam

### Abstrak

Gejala murtad di Malaysia sudah menjadi satu polemik yang membimbangkan khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu. Istilah Melayu menurut Perlembagaan Persekutuan dijelaskan sebagai seorang yang menganut agama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu. Islam dan Melayu pada dasarnya mengikut definisi perlembagaan sama sekali tidak boleh dipisahkan. Artikel ini membincangkan tentang ketidakjelasan kedudukan dan peranan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia, yang menyebabkan usaha mempertahankan akidah umat Islam secara undang-undang dilihat kurang berkesan. Selanjutnya dibincangkan cabaran pertukaran agama dalam kalangan Melayu-Islam di Malaysia, bermula dengan peristiwa Natrah pada tahun 1950 sehingga zaman globalisasi moden kini. Peningkatan bilangan kes pertukaran agama dalam kalangan Melayu-Islam daripada semasa ke semasa menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak. Direkodkan, dari tahun 1999-2003 terdapat 750 permohonan pertukaran nama daripada Islam kepada bukan Islam di Jabatan Pendaftaran Negara (Mohd Azam Mohamed Adil, 2006). Seterusnya, artikel ini menganalisa faktor yang menyumbang kepada gejala pertukaran agama dalam masyarakat. Berdasarkan kajian, faktor dalaman yang menyumbang kepada pertukaran agama adalah disebabkan kurangnya didikan agama dan kejahilan, percintaan, perkahwinan dan perceraian, ibu bapa, dan ekonomi keluarga. Manakala faktor luaran pula ialah pengaruh persekitaran, rakan sebaya, gerakan misionari agama dan proses pemodenan, kelonggaran undang-undang, pentadbiran agama dan pemimpin masyarakat, sistem pendidikan Islam, dakwah kurang berperanan, diskriminasi saudara baru. Akhirnya, artikel ini membincangkan tentang isu murtad dari kacamata Perlembagaan dan Islam.

*Kata kunci:* Murtad; faktor pertukaran agama; Melayu-Islam; perlembagaan persekutuan; pentadbiran agama Islam

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

## 1.0 PENGENALAN

Fenomena pertukaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia sudah berada pada tahap membimbangkan. Kebimbangan ini berasaskan kepada jumlah permohonan dalam kalangan Melayu-Islam untuk menukar agama. Menukar agama daripada Islam kepada agama lain diistilahkan sebagai jenayah *riddah* ('Awdah, 1994). Umum mengetahui bahawa perbuatan *riddah* merupakan dosa besar dan menurut jumhur ulama perbuatan ini akan dibalas dengan hukuman yang pedih di akhirat serta boleh dihukum sebagai jenayah menurut al-Quran dan al-Sunnah (Ahmad Ibrahim, 1997). Berpandukan kepada firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Dan sesiapa antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu dia mati sedang dia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya).”

(*Surah al-Baqarah*, 2:217)

Memandangkan majoriti penganut Islam di Malaysia berbangsa Melayu, maka kajian ini memperincikan istilah Melayu itu sendiri dalam Perlembagaan Malaysia. Bangsa Melayu khususnya di Malaysia mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding bangsa lain di dunia, kerana perkataan Melayu didefinisikan secara jelas dalam Perlembagaan. Istilah Melayu menurut Perlembagaan Persekutuan dijelaskan sebagai seorang yang menganut agama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu. Islam dan Melayu pada dasarnya mengikut definisi perlembagaan sama sekali tidak boleh dipisahkan. Perkara ini diletakkan dengan jelas di dalam perlembagaan dan menjadi suatu undang-undang di Malaysia untuk Melayu iaitu seseorang yang menganuti agama Islam (Perlembagaan Persekutuan), dan Melayu serta bangsa lain yang menganut agama Islam adalah tertakluk di bawah syariat Islam dan perundangan Mahkamah Syariah di Malaysia (Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai 2 – Senarai Negeri; Akta Mahkamah Syariah 1965, Seksyen 2). Oleh itu, kajian ini bagi mengenal pasti masalah dan cabaran dalam menangani masalah pertukaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam.

## 2.0 KEDUDUKAN ISLAM DALAM UNDANG-UNDANG DAN PERLEMBAGAAN

Sebelum kedatangan British, undang-undang Islam adalah undang-undang negara di Malaysia. Mazhab yang diikuti ialah Mazhab Syafie. Dalam kes Shaik Abdul Latif dll. Iwn Shaik Elias Bux, Braddel C.J.C. dalam penghakimannya berkata:

“Sebelum triti-triti pertama, penduduk negeri-negeri ini hampir semuanya terdiri daripada orang Melayu (Islam) bersama pelombong dan pengusaha Cina. Satu-satunya undang-undang yang terpakai kepada orang-orang Melayu ialah undang-undang Islam yang diubah suai oleh adat-adat tempatan.” (I.F.M.S.L.R., 1915: 204; Ahmad Ibrahim, 1986b:48)

Daripada segi sejarah, kemasukan British telah membuka ruang berlakunya pengaruh ideologi dan gaya hidup mereka dalam masyarakat tempatan. Kemasukan British sekaligus memberi ruang dan peluang kepada missionari Kristian melakukan proses kristianisasi. Ini kerana mereka berazam untuk menukarkan agama Islam yang dianuti oleh orang Melayu kepada agama Kristian. Walau bagaimanapun, proses Kristianisasi Tanah

Melayu ini kurang berjaya kerana pada masa tersebut masyarakat Melayu-Islam masih kuat berpegang kepada agama Islam (Mohd Salleh Abas, 1985; Abdul Monir Yaacob, 1992).

Selain itu, sistem perundangan Islam juga diperuntukkan dan dilaksanakan di negeri-negeri Melayu. Terdapat undang-undang mengenai penubuhan mahkamah dikeluarkan pada tahun 1885 yang membuat peruntukan bagi pentadbiran Islam di negeri Terengganu. Ini kerana terdapat Batu Bersurat dari abad XII M yang antara lain menyebut tentang perundangan Islam yang diamalkan pada masa tersebut. Di zaman Sultan Zainal Abidin III di Terengganu (1881-1918), hukum syarak telah dilaksanakan dan hukum *hudud*, *qisas*, *diyah* dan *takzir* diperuntukkan. Mungkin di negeri-negeri lain seperti Kelantan dan Kedah juga telah mengaplikasikan undang-undang ini (Ahmad Ibrahim, 1997). Begitu juga dalam kes Ramah Iwn Laton ([1927] 6 F.M.S.L.R 128; Ahmad Ibrahim, 1997), Mahkamah Rayuan di Selangor telah memutuskan bahawa undang-undang Islam ialah undang-undang negeri dan Mahkamah hendaklah mengiktiraf dan menggunakan undang-undang tersebut. Namun dengan kedatangan British dan digubal Kanun Keseksaan yang mengikut undang-undang di India dan England, maka undang-undang Islam tidak lagi diikuti dan diamalkan di Tanah Melayu. R.J Wilkinson berkata:

“Tidak boleh diragukan lagi bahawa undang-undang Islam akan menjadi undang-undang Tanah Melayu sekiranya undang-undang British tidak masuk dan menahannya.”

Kesan daripada pengaruh British, undang-undang Inggeris telah dimasukkan melalui perundangan dan keputusan hakim ke Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Borneo dan akhirnya Akta Undang-undang Sivil 1956, memperuntukkan bahawa jika tidak ada undang-undang bertulis yang berkenaan, Mahkamah hendaklah memakai *Common Law* England dan kaedah-kaedah ekuiti yang ditadbirkan di England pada 9 April 1956 bagi Malaysia Barat, pada 1 Disember 1951 bagi Sabah dan 12 Disember 1949 bagi Sarawak (Ahmad Ibrahim, 1997).

Di Malaysia, semua undang-undang yang digubal selepas kemerdekaan adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Ia merupakan satu-satunya sumber perundangan yang tetap dan tertinggi (Mardiana Nordin & Hasnah Husin, 2001). Jika sesuatu undang-undang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, maka bahagian yang bertentangan akan terbatal. Hal ini jelas dinyatakan dalam peruntukan Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal kebebasan beragama contohnya, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kebebasan beragama seperti yang termaktub dalam perkara 3 (1) tertakluk kepada undang-undang yang diluluskan bagi mengawal atau menyekat pengembangan agama yang lain daripada Islam dalam kalangan umat Islam. Selain itu, Perlembagaan juga menyebut bahawa kebebasan agama tidak boleh digunakan untuk menyalahi undang-undang awam mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak (Abdul Aziz Bari, 2006).

Perlembagaan menyatakan bahawa kebebasan beragama adalah salah satu hak yang dijamin di bawah bab tentang kebebasan asasi. Hak kebebasan agama ini juga kelihatan tidak boleh digantung; hatta dalam hal-hal yang diletakkan di bawah kuasa subversif. Contoh terbaik dalam konteks ini ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960; sebuah akta yang diluluskan oleh Parlimen di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan ini menarik kerana hak-hak lain di bawah bab mengenai kebebasan asasi dalam perlembagaan boleh digantung atau dinafikan oleh undang-undang yang diluluskan di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan (Farid Sufian Shuaib, 2005).

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan pula merupakan peruntukan utama berkaitan hak kebebasan beragama, seperti membayangkan bahawa ruang lingkup hak berkenaan meliputi aspek menganut, mengamalkan dan mengembangkan agama-agama berkenaan. Bagaimanapun, hak mengembangkan agama tertakluk kepada peruntukan bahawa pengembangan agama selain Islam tertakluk kepada sekatan undang-undang. Sekatan ini termasuklah larangan mengembangkan doktrin atau agama lain selain Islam kepada orang-orang Islam. Undang-undang yang menyekat penyebaran agama lain dalam kalangan orang Islam masih belum ada di Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang (Pawancheek Marican, 2010).

Walaupun begitu, al-Quran dalam Surah al-Baqarah ayat 256 menunjukkan bahawa tiada paksaan dalam mengajak manusia kepada Islam. Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa Islam menghormati hak kebebasan fikiran dan beragama. Secara intrinsik, penyampaian kebenaran Islam harus diikuti dengan hujah naqli dan aqli bagi membantu menggarap kebenaran agama Allah beserta bukti-buktinya dan seterusnya terserah kepada Allah untuk memberikan hidayah kepada sesiapa yang dikehendakinya (Ibn Baz, 1998).

Realitinya, Perlembagaan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya Reid yang kebanyakan ahlinya terdiri daripada bukan Islam telah membentuknya sebegitu rupa sehingga undang-undang Islam yang menjadi amalan majoriti penduduk di Malaysia kurang menjadi rujukan. Suruhanjaya Reid yang diberi tugas mencadangkan Perlembagaan bagi Malaysia telah menolak cadangan memasukkan peruntukan 'Islam sebagai agama Persekutuan' itu. Dalam Laporan mereka di perenggan 169 mereka berkata maksudnya:

"Kami telah menimbangkan soal sama ada perlu diadakan kenyataan dalam Perlembagaan yang bermaksud Islam hendaklah menjadi agama Negara. Telah dipersetujui oleh semua pihak bahawa jika mana-mana peruntukan seperti itu dimasukkan dalam Perlembagaan, hendaklah dijelaskan bahawa ia tidak sekali-kali menjejaskan hak-hak sivil orang-orang bukan Islam. Dalam memorandum yang dikemukakan oleh Perikatan telah disebut agama Persekutuan hendaklah Islam. Peruntukan prinsip ini tidak akan mengenakan apa-apa hilang upaya ke atas rakyat bukan Islam menganuti dan mengamalkan agama mereka sendiri dan tidak membayangkan bahawa negara bukan negara sekular. Tidak terdapat apa-apa dalam draf Perlembagaan itu yang menyentuh penerusan keadaan dalam negeri-negeri mengenai periktirafan Islam atau yang menghalang pengiktirafan Islam dalam Persekutuan melalui perundangan atau cara-cara lain dalam apa-apa keadaan yang tidak memudharatkan hak-hak sivil individu bukan Islam. Majoriti kami berpendapat adalah paling baik meninggalkan perkara itu atas dasar itu, memandangkan kenyataan bahawa peguam bagi Raja-raja telah berkata kepada kami, 'Adalah pandangan yang telah dipertimbangkan oleh Duli-duli Yang Maha Mulia bahawa tidak dikehendaki memasukkan perisytiharan seperti yang dicadangkan bahawa ajaran agama Muslim atau ajaran agama Islam adalah agama yang ditetapkan bagi Persekutuan. Duli-duli Yang Maha Mulia tidak menyokong perisytiharan seperti itu dimasukkan dan ini adalah perkara arahan khusus di mana saya tidak banyak terlibat'" (Suruhanjaya Reid, 1957).

Perkara 3(2) Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Yang Di Pertuan Agong dan Raja-raja sebagai ketua agama Islam (Perlembagaan Persekutuan, 2008). Sebagai ketua agama Islam sepatutnya kuasanya tidak terbatas, kerana Islam itu sendiri lengkap meliputi semua bidang kehidupan. Kuasa yang diberi ini merupakan amanah Allah S.W.T kepada Raja-raja. Ini sebagaimana lafaz sumpah Yang Di Pertuan Agong seperti dinyatakan dalam Jadual 4 Perlembagaan Persekutuan (2008)

telah berlaku konflik yang nyata antara tugas yang memestikan baginda menuruti Perlembagaan dan tugas baginda sebagai pemelihara kesucian agama Islam. Kedudukan Yang Di Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam menjadi lebih sempit apabila setiap tindakan baginda dimestikan mendapat nasihat Jemaah Menteri atau menteri terlebih dahulu. Dalam hal agama Islam dikhuatiri baginda akan menuruti nasihat menteri yang jahil dalam hal agama.

Dalam sumpah yang sama menghendaki baginda melakukan dua perkara yang bertentangan. Pertama memastikan ketaatan kepada perlembagaan sementara yang lain memelihara kesucian agama Islam. Hal ini berlaku kerana pengubal Perlembagaan menggunakan kaedah agama yang lain bagi mengatur kedudukan agama Islam. Islam dalam Perlembagaan hanya sekadar hiasan dalam perlembagaan supaya semua keraian Persekutuan dibuat menurut Islam, dan tidak mempunyai kesan terhadap perundangan (Hashim Yeop A. Sani, 1980).

Peruntukan dalam Perkara 38 Fasal 2 (b) Perlembagaan Persekutuan (2008) memberi kuasa kepada Majlis Raja-raja untuk menjalankan tugas bagi menyetujui apa-apa perbuatan atau amalan agama Islam meliputi seluruh Persekutuan. Sewajarnya peruntukan ini digunakan dengan sebaiknya oleh Raja-raja untuk mendesak direalisasikan Islam sepenuhnya di Malaysia. Jelas kelihatan bahawa Perlembagaan telah memisahkan antara badan Perundangan Persekutuan dan negeri. Sehubungan dengan ini, perundangan Islam yang meliputi undang-undang keluarga, peribadi dan sedikit undang-undang Jenayah diletakkan di bawah kuasa badan perundangan negeri. Walau bagaimanapun, keabsahannya tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Akibatnya negeri juga tidak boleh menggubal satu undang-undang Islam yang lebih baik. Apatah lagi undang-undang lain yang lebih utama. Senarai Persekutuan menguasai semua perkara penting dalam urusan pentadbiran negara.

### ■3.0 FAKTOR PERTUKARAN AGAMA

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang gejala pertukaran agama dalam masyarakat. Ia terbahagi kepada faktor dalaman dan faktor luaran.

#### 3.1 Faktor Dalaman

##### 3.1.1 Kurang Didikan Agama dan Kejahilan

Akibat kejahilan dan juga tidak faham tentang hakikat ajaran dan syariat Islam menyebabkan nilai kehidupan manusia ketinggalan, lalu manusia mencari alternatif lain untuk memenuhi ruang lingkup kehidupan. Manusia tidak menyedari bahawa sebenarnya mereka telah terjebak dalam perangkap mainan kehidupan dan tidak tahu memilih jalan mana yang sepatutnya mereka lalui. Akibat daripada kejahilan menyebabkan mereka lebih cenderung memilih jalan kekufuran daripada memilih jalan keimanan dalam kehidupan (Muhammad Isa Selamat, 1998).

Selain itu juga, disebabkan oleh kecetekanan ilmu dan iman, maka seseorang itu digolongkan dalam kategori jahil daripada segi akidah. Ini akan menyebabkan seseorang Muslim meragui dan tidak meyakini akan kekuasaan Allah SWT. Ia juga akan mendorong seseorang itu sukar menerima pandangan serta teguran daripada orang lain. Di samping menyebabkan seseorang Muslim mundur dalam semua aspek kehidupan. Keadaan ini sukar diubah dalam masa yang singkat sebaliknya ia memerlukan proses pemulihan dan pemantauan yang berterusan.

### 3.1.2 Percintaan, Perkahwinan dan Perceraian

Antara faktor lain yang menyebabkan murtad dalam kalangan umat Islam ialah percintaan. Terdapat remaja yang terjebak dalam amalan percintaan antara bukan Islam. Walaupun terdapat pendidikan agama yang secukupnya, akibat percintaan, mereka terjebak dalam gejala murtad. Adalah malang apabila mendapati remaja yang terlibat merupakan remaja yang cukup kasih sayang, terpelajar dan menutup aurat, bukannya remaja liar yang tiada arah dan tujuan.

Seterusnya gejala murtad juga berlaku disebabkan faktor perkahwinan, sama ada lelaki bukan Islam atau wanita bukan Islam ingin berkahwin dengan pasangan hidup mereka yang beragama Islam (Laman Web Rasmi JAIS). Akibat perasaan cinta yang membara di dalam hati sanubari, seseorang itu sanggup menggadaikan maruah agama demi cinta sebegini. Misalnya kisah Lina Joy atau nama sebenarnya Azlina Jelani yang menyatakan hasratnya untuk berkahwin dengan seorang pemuda India beragama Kristian, dan meminta untuk didaftarkan perkahwinan tersebut untuk mengesahkan perkahwinan beliau. Selepas berkahwin dengan seorang Kristian, beliau memohon untuk mendaftarkan perkahwinannya, tetapi tidak dibenarkan kerana di dalam kad pengenalan masih tertulis beliau seorang yang beragama Islam. Beliau berusaha untuk menghilangkan perkataan agama Islam tersebut dengan permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (Nor Zainah Nordin, 2009).

### 3.1.3 Ibu Bapa

Gejala murtad juga berpunca daripada rumah di mana para ibu bapa tidak berperanan mendidik anak mereka dengan didikan yang sempurna kerana sibuk bekerja. Akhirnya pendidikan anak-anak tidak dapat dipenuhi sepenuhnya dan diserahkan kepada orang gaji atau pembantu rumah. Sebahagian daripada orang gaji atau pembantu rumah ini pula tidak mempunyai kemahiran dan mengasuh anak terutamanya berkaitan jiwa remaja, mental dan perkembangan fizikal anak-anak. Begitu juga sebahagian ibu bapa tidak memahami cara didikan masa kini, menyebabkan remaja kurang mendapat kasih sayang dan hubungan kekeluargaan menjadi tidak intim. Lantaran anak-anak remaja mencari kasih sayang dan perhatian dari luar rumah.

Oleh yang demikian, peranan ibu bapa amat penting dalam mendidik anak-anak mereka ketika masih kecil lagi dengan kehidupan Islami agar pengetahuan dan penghayatan mereka mengenai agama kukuh bersemadi dalam kehidupan mereka. Ini bersesuaian dengan maksud firman Allah SWT:

“Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran, supaya kamu bersyukur”

(Surah al-Nahl, 16:78)

Selain itu, terdapat kes anak hasil perkahwinan campur dan diabaikan oleh keluarga cenderung untuk kembali kepada agama asal ibu atau ayahnya. Hal ini menunjukkan ceteknya pengetahuan agama ibu dan ayah yang masih mengamalkan budaya hidup lama turut menyumbang masalah murtad dalam kalangan remaja. Sebagai contoh, Mohd Yunus Kassim, berusia 62 tahun mendakwa dia murtad sejak berumur 13 tahun dan memohon bertukar agama kepada Buddha di Pejabat Agama Islam daerah Tampin pada 1974, tetapi tidak dibenarkan. Beliau merupakan anak kepada pasangan Che Putih dan lelaki Cina; Goh Fook Heng yang memeluk Islam dan menukar namanya kepada Kassim Abdullah. Menurutnya, beliau berkahwin dengan seorang wanita Cina, Yan Joo Eng, 60, mengikut adat Cina dan memperoleh

enam anak berusia antara 29 hingga 39 tahun (New Strait Times, 9 Mac 2006).

### 3.1.4 Ekonomi Keluarga

Manusia yang dihimpit kesempitan hidup juga boleh mengakibatkannya menggadaikan agama demi meneruskan kehidupan. Malah tuntutan hidup di zaman materialistik seperti hari ini mendorong sebahagian orang Islam menjadi murtad. Antaranya kisah seorang gadis bernama Lisa (bukan nama sebenar) di Pulau Pinang yang memerlukan pekerjaan. Setelah puas mencari, akhirnya dia ditawarkan bekerja di kelab malam dan turut disediakan tempat tinggal. Kesan dari pergaulan bebas dan desakan hidup menyebabkan ramai antara teman-temannya memilih murtad agar mereka memperoleh kemewahan hidup dalam tempoh yang cepat (Aninah Janang, 2006).

Selain itu, kisah golongan ibu tunggal yang terjebak dengan gejala murtad di Kuala Terengganu suatu ketika dahulu. Ada antara mereka yang sudah memeluk agama lain tetapi masih kekal bertudung dan pergi ke masjid untuk mengelabui mata masyarakat. Agak sukar untuk mengecam kelompok ini kerana mereka masih mengekalkan pemakaian tudung dan menjalankan aktiviti ibadah seperti orang Islam yang lain seperti pergi ke masjid dan sebagainya, sedangkan dalam masa yang sama, mereka memakai lambang salib pada leher mereka. Golongan ini dibantu oleh pihak agama lain daripada segi perniagaan dan diberikan segala macam kemewahan. Selain itu, sekiranya mereka sudah membuat upacara menyerahkan diri kepada 'tuhan', semakin banyak kemewahan yang akan mereka perolehi (Sahidan Jaafar, 2006).

Rasulullah s.a.w pernah menyatakan tentang hakikat hidup yang dibelenggu kemiskinan atau kefakiran merupakan suatu wabak yang boleh menyebabkan seseorang itu boleh menjadi kafir (Muhammad Isa Selamat, 1998). Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Hampir-hampir kefakiran itu boleh menyebabkan kekufuran.”

Hadis riwayat al-Baihaqi

## 3.2 Faktor Luaran

Seterusnya, antara faktor luaran yang menjadi penyebab berlakunya kes murtad ialah:

### 3.2.1 Pengaruh Persekitaran

Taktik menyelewengkan akidah umat Islam kini kebanyakannya menggunakan pelbagai kaedah yang licik dan sukar dikesan. Selain menjadikan golongan miskin serta remaja sebagai sasaran, golongan pendakwah ini juga menjadikan golongan peniaga yang terdesak untuk menggunakan wang sebagai sasaran mereka. Misalnya, kira-kira 300 hingga 400 peniaga Islam di sekitar Muar turut dikhuatiri terpengaruh dengan tawaran pihak tertentu yang bertujuan untuk memesongkan akidah mereka. Pihak tersebut menawarkan secara percuma bantuan kewangan sehingga RM 50,000 kepada peniaga Islam yang gagal membayar hutang Tai Long atau along dengan syarat mereka perlu mengisi borang yang disediakan pihak berkenaan (Salman Hussin, 2006).

Kebanyakan peniaga terbabit berhutang dengan along sekitar RM15,000, bagaimana pun disebabkan kadar faedah yang tinggi iaitu 15 hingga 30 peratus yang dikenakan secara harian menyebabkan hutang mereka meningkat secara mendadak sehingga mencecah RM 50,000 dalam masa beberapa bulan sahaja. Pihak yang cuba merosakkan akidah umat Islam ini disyaki mempunyai hubungan dengan along. Ini kerana mereka

boleh mengesan peminjam yang gagal membayar hutang along ini. Walaupun pihak terbabit tidak memaksa mereka menukar agama kepada Kristian tetapi lambang salib pada borang berkenaan telah menimbulkan keraguan di hati peminjam-peminjam tersebut. Sekiranya mereka menerima tawaran ini dan mengisi borang tersebut maka dikhuatiri terpengaruh dengan agenda mereka. Inilah perancangan halus yang dilakukan pihak-pihak tertentu dalam usaha untuk merosakkan akidah umat Islam (*Ibid*).

### 3.2.2 Rakan Sebaya

Bagi golongan remaja, keterlibatan mereka dalam persekitaran sosial yang bebas menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan rakan sebaya mereka. Keadaan ini adalah disebabkan oleh pergaulan bebas dan kurangnya perhatian serta kasih sayang di rumah. Akibatnya mereka mencari sesuatu yang boleh mengisi kekosongan hidup dan bersesuaian dengan minat mereka. Justeru unsur-unsur negatif berjaya mempengaruhi mereka melalui pemikiran, perbuatan dan sebagainya. Bahkan keretakan rumahtangga serta perceraian yang berlaku dalam kalangan ibu bapa menyebabkan anak-anak semakin liar seterusnya mencari ketenangan dan hiburan di luar rumah bersama rakan sebaya tanpa pemantauan (Temu bual dengan Mohd Hatta Saharom 31.3.2008). Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohamed Khusrin Munawi turut mengakui bahawa pengaruh rakan sebaya didapati menjadi sebabagian daripada faktor yang menyumbang kepada budaya murtad di negeri Selangor (Nurul Ain Mohd Hussain, 30/1/2010).

### 3.2.3 Gerakan Misionari Agama dan Proses Pemodenan

Pelbagai usaha dilaksanakan oleh golongan misionari bagi mengeluarkan umat Islam daripada pegangan agamanya. Selain misionari agama, wujud juga golongan yang mengaku memperjuangkan Islam melalui gerakan Islam Liberal yang membawa agenda pluralisme beragama. Pluralisme dan pluraliti (kepelbagaian) mempunyai perbezaan daripada aspek falsafahnya. Pluraliti agama bermaksud wujudnya kepelbagaian agama di dunia. Manakala pluralisme agama pula menjangkau daripada sekadar mengiktiraf kewujudan agama, bahkan mengiktiraf kebenaran agama yang pelbagai (Arthur, 2000).

Konsep pluraliti (kepelbagaian) agama tidak berlawanan dengan ajaran Islam. Bahkan Islam menghormati dan memberikan kebebasan bagi manusia untuk memilih agama dan pegangan masing-masing. Namun, jika kepelbagaian itu sampai kepada tahap mengiktiraf kebenaran agama yang pelbagai, dengan menyamaratakan semua agama, maka ia bercanggah dengan Islam. Ia bercanggah dengan prinsip kebenaran mutlak Islam sebagaimana ditegaskan dalam al-Quran:

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.”

(Surah Ali 'Imran, 3:19)

Masalah pluralisme dan liberalisme telah diperbahaskan oleh Harussani Zakaria dalam Muzakarah Ulama di Perak. Pluralisme yang dimaksudkan oleh beliau adalah kewujudan satu pemikiran yang mengiktiraf bahawa semua agama adalah sama, menuju kepada kemuncak 'kebenaran yang sama'. Segala bentuk ibadat, aktiviti agama merupakan 'bentuk' yang berbeza-beza. Sebagai contoh, sekiranya Islam menunaikan ibadat dengan cara solat di masjid, manakala penganut Buddha pula beribadat dengan hadir ke kuil, penganut Kristian hadir dan bertafakur di gereja setiap hari Ahad, dan pelbagai lagi bentuk ibadat yang wujud di muka bumi ini. Menurut mereka yang berpegang kepada

pemahaman ini, semua bentuk ibadat itu benar dan diiktiraf, kerana menuju kepada satu 'kebenaran yang hakiki', iaitu Tuhan (Mohd Hilmi Ramli, 2006).

Fenomena pluralisme perlu dikawal kerana boleh membahayakan akidah umat Islam. Kesan pengaruh pluralisme, Islam tidak lagi dianggap agama yang benar secara mutlak, juga diragui sebagai agama wahyu yang diturunkan Allah melalui malaikat Jibril a.s kepada Nabi Muhammad dan agama terakhir yang kekal sehingga hari Kiamat. Justeru, sebagai umat Islam, pemahaman agama Islam yang benar perlu berpandukan autoriti yang sah dalam agama dan berpandukan sumber yang benar. Apabila wujudnya keyakinan bahawa ada agama mahupun fahaman selain Islam adalah benar, maka ia sebagai petanda bahawa pemikiran umat Islam semakin lemah di samping luntuhnya iman (*Ibid*).

Laporan *Harakahdaily* turut mendedahkan, terdapat gerakan memurtadkan remaja Islam sedang giat di Seremban 2 dengan usaha lebih agresif dan berani mendekati golongan sasaran terutamanya remaja lingkungan usia 17 hingga 25 tahun. Pengerusi Jawatankuasa Surau *Garden Homes*, Azman Basra, mendakwa kewujudan kumpulan memurtadkan orang Islam yang dikesan beroperasi di sebuah premis kedai dua tingkat berhampiran sebuah tokong Buddha di Bandar Seremban 2. Kumpulan ini menjadikan golongan remaja sebagai sasaran kerana mereka mudah didekati (Wan Nordin Wan Yaacob, t.th.).

Golongan misionari agama ini menawarkan ganjaran berupa wang saku kepada remaja yang mahu murtad, malah mereka juga ditawarkan khidmat seks (bagi yang lelaki akan mendapat perempuan, dan yang perempuan akan mendapat pasangan lelaki) dan telefon bimbit. Akibat tawaran yang agak lumayan ini, ramai remaja dari taman perumahan sekitar Seremban 2 terpengaruh dan bilangannya cukup besar. Menurut Azman, ada kes di mana seorang remaja yang dikatakan telah murtad hingga tidak dapat mengucap dua kalimah syahadah kerana dakwanya meminum sebotol air yang dinamakan '*Holy Water*'. Berikutan perkembangan yang membimbangkan itu jawatankuasa surau tersebut sedang membuat pemantauan daripada masa ke semasa bagi menghalang usaha memurtadkan remaja ini agar tidak akan berkembang (*Ibid*).

Isu lain, seorang wanita mengaku di hadapan Hasrussani Zakaria, yang dia pernah murtad akibat terlibat dalam kerja kebajikan di bawah naungan badan kebajikan yang dipelopori majoritinya daripada kalangan bukan Islam. Badan kebajikan ini bukan sahaja meletakkan kerja-kerja kebajikan sebagai agenda utama, tetapi turut menjalankan aktiviti dakwah agar orang ramai menganut agama mereka. Wanita itu mengakui, ada dalam kalangan ahli yang turut menyampaikan dakwah kepadanya dan meminta beliau meninggalkan Islam dan memeluk agama mereka. Tanpa disedari sedikit demi sedikit, beliau mula terpengaruh, akhirnya meninggalkan Islam dan seterusnya menganut agama mereka. Kata wanita itu lagi, beliau kemudiannya dihantar ke Singapura untuk mendalami ajaran agama tersebut. Sekembalinya dari Singapura, wanita itu diberi tugas untuk menjalankan dakwah, terutama terhadap individu yang sebangsa dengannya, iaitu orang Melayu. Setakat ini, wanita tersebut mengakui telah berjaya menarik seramai lebih 500 orang Melayu untuk memeluk agama tersebut (Wan Mohd Hafiz Wan Hamzah, 2007).

### 3.2.4 Kelonggaran Undang-undang

Satu undang-undang khas berkaitan murtad masih belum digubal di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri di Malaysia. Walaupun terdapat peruntukan undang-undang yang menjelaskan kesalahan yang berhubung dengan akidah, namun ia tidak menjurus kepada menghalang perbuatan murtad. Sebagai contoh, Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992 dan Enakmen Jenayah

Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan, kesalahan yang berhubung dengan aqidah ialah pemujaan salah, mendakwa bukan orang Islam untuk mengelakkan tindakan, takfir, doktrin palsu dan dakwaan palsu. Walaupun kesemua kesalahan tersebut adalah dikategori sebagai perbuatan riddah dalam perundangan Islam, namun hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut tidak menggambarkan keseriusan bagi membendung perbuatan murtad.

Contohnya, diperuntukkan dalam Seksyen 8 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, "Sesiapa yang memuja atau menyebabkan dipuja mana-mana pantai, pokok, padang, kubur, hutan, bukit, atau apa-apa benda lain atau mana-mana orang dengan apa jua cara atau bagi apa-apa tujuan yang berlawanan dengan Hukum Syara' adalah bersalah atas sesuatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah boleh memerintahkan supaya alat-alat, bangunan atau binaan yang digunakan bagi pemujaan itu dimusnahkan." Walaupun perbuatan memuja seperti yang diperuntukkan adalah perbuatan riddah, namun peruntukan hukumannya iaitu denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, tidak setimpal dengan kesalahan riddah tersebut.

Contoh yang lain adalah berkaitan dengan percaya dan mengembangkan ajaran sesat yang juga dikategorikan sebagai perbuatan riddah menurut perundangan Islam. Diperuntukkan dalam Seksyen 11 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, "Sesiapa yang mengaku dirinya atau orang lain itu nabi, Imam Mahadi atau wali atau berlagak atau mengeluarkan kata-kata atau mengakui bahawa dia atau orang lain itu mengetahui kejadian ghaib dengan dakwaan palsu dan bertentangan dengan ajaran Islam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bahkan, bagi kesalahan yang secara terang-terangan seorang Muslim mengaku sudah bukan beragama Islam, hukuman yang dikenakan juga tidak setimpal. Diperuntukkan dalam Seksyen 5 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, "Mana-mana orang yang mendakwa dirinya bukan orang Islam untuk mengelakkan apa-apa tindakan diambil terhadap dirinya di bawah Enakmen ini atau mana-mana Enakmen lain yang berkuatkuasa di Negeri ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."

Peruntukan hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan murtad tersebut adalah berpunca daripada bidang kuasa Mahkamah Syariah itu sendiri bagi menjatuhkan hukuman. Diperuntukkan dalam Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak - 1988), "Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis: Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut."

Di samping isu hukuman yang tidak setimpal terhadap orang Islam yang murtad, terdapat isu lain iaitu sejauh mana keseriusan undang-undang di Malaysia bagi membendung tindakan orang bukan Islam memurtadkan orang Islam. Bagi mengawal dan menyekat penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam, sembilan negeri telah menggubal Enakmen yang berkaitan berpandukan peruntukan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan. Enakmen tersebut ialah Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Terengganu, 1980; Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Kelantan, 1981; Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Kedah, 1988; Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Melaka, 1988; Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Perak, 1988; Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Selangor, 1988; Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Pahang, 1989; Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Negeri Sembilan, 1991; Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Johor, 1991.

Contohnya, diperuntukkan dalam Seksyen 4 Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Melaka, 1988 berkaitan kesalahan memujuk, mempengaruhi, atau menghasut orang Islam supaya mengubah kepercayaan, "(1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia memujuk, mempengaruhi, atau menghasut seorang lain yang beragama Islam- (a) supaya menjadi penganut atau anggota suatu agama bukan Islam atau supaya cenderung kepada agama itu; atau (b) supaya meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam. (2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh dikenakan denda sebanyak sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh satu tahun atau kedua-duanya."

Manakala bagi kesalahan yang sama, diperuntukkan dalam Seksyen 4(2) Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Kedah, 1988, "Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen-kecil (1) apabila disabitkan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak melebihi empat tahun, dan bagi kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun."

Walaupun sembilan buah negeri telah menggubal undang-undang bagi mengawal dan menyekat pengembangan agama bukan Islam terhadap orang Islam, namun isu yang paling utama ialah tiada undang-undang yang berkaitan digubal bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan (untuk Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya), dan tiga negeri lain iaitu Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Perkara ini sangat penting kerana ketiadaan undang-undang ini boleh menimbulkan pelbagai masalah seperti dalam kes Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & 2 Yang Lain [2007] 3 AMR 693 di mana seorang wanita Melayu telah dibaptiskan di sebuah gereja di Kuala Lumpur tanpa melanggar apa-apa undang-undang oleh kerana Akta Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) Wilayah-Wilayah Persekutuan belum wujud di Wilayah Persekutuan. Insiden seperti ini telah menimbulkan kegelisahan dalam kalangan orang Islam di Negara ini (Pawancheek Marican, 2010).

### 3.2.5 Pentadbiran Agama dan Pemimpin Masyarakat

Antara faktor yang menyumbang kepada kes murtad ialah birokrasi dalam pentadbiran agama. Antara contoh birokrasi yang berlaku ialah sekatan dalam menyampaikan dakwah Islam. Para pendakwah yang ingin menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat perlu mendapatkan tauliah daripada Jabatan Agama Negeri. Setiap negeri mempunyai prosedur yang tersendiri.

Tauliah yang diterima daripada negeri Johor misalnya, tidak sah digunakan di negeri Selangor. Tambahan pula, prosedur mendapatkan tauliah dirumitkan dan dipengaruhi oleh faktor fanatik kepada sesuatu fahaman. Pemohon tauliah yang berbeza fahaman dengan pihak pengeluar tauliah sudah tentu tidak akan berjaya dalam permohonannya.

Contoh lain birokrasi dalam dakwah ialah sekatan ketika berkhotbah. Para khatib yang ingin berkhotbah hanya boleh membaca teks yang disediakan oleh pihak berkuasa agama di negeri-negeri. Khatib yang cuba berkhotbah dengan tidak membaca teks yang telah disediakan akan dikenakan tindakan undang-undang. Walaupun pendekatan ini dilihat dapat menyatukan teks khutbah yang dibaca, namun pihak penyedia teks khutbah yang hanya menyediakan satu teks sahaja bagi dibaca di seluruh negeri, secara praktikalnya pendekatan ini tidak bersesuaian. Bagaimana mungkin satu teks khutbah yang sama dapat dipastikan kesesuaiannya dengan sidang pendengar khutbah. Kepelbagaian latar belakang pendengar sudah tentu memerlukan kepelbagaian pendekatan khutbah yang disampaikan. Oleh kerana teks khutbah yang tidak bersesuaian dengan sidang pendengar, maka para jemaah kurang memberikan tumpuan ketika khatib membaca teks khutbah.

Amalan yang berbeza pula bagi para penyampai agama bukan Islam. Adakah para paderi yang ingin menyampaikan ajaran Kristian juga perlu mendapat tauliah sebagaimana seorang ustaz mahu menyampaikan ceramah di masjid atau di surau? Walaupun sembilan buah negeri sudah menggubal Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam), namun isunya semenjak 1980 berapa banyak kes yang dibicarakan di bawah Enakmen tersebut? Adakah kurangnya kes yang melibatkan Enakmen tersebut menggambarkan kurangnya usaha pengembangan agama bukan Islam dalam kalangan orang Islam di Malaysia? Atau ia menggambarkan ketidakseriusan pihak berkuasa menguatkuasakan Enakmen tersebut.

Birokrasi pentadbiran agama di negeri-negeri juga terlihat dalam isu penyaluran bantuan kewangan kepada pihak yang memerlukan. Contohnya, penyaluran zakat hanya dilakukan kepada asnaf yang berasal daripada negeri yang dipohon. Seorang yang baru memeluk Islam yang berasal daripada negeri Melaka yang berada dalam kesulitan ekonomi, adakah beliau layak memohon zakat daripada negeri Perak?

Rasa kesal dengan sikap ketidak prihatinan pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, wakil rakyat, orang-orang kaya dan masyarakat sekeliling menjadikan golongan yang memerlukan pertolongan dari sudut kewangan, tempat tinggal, pekerjaan seperti saudara baru, ibu tunggal, anak yatim dan sebagainya berasa putus asa. Kesannya apabila ada bantuan yang diberikan oleh golongan bukan Islam seperti gerakan missionari memberikan bantuan, mereka dengan mudahnya menerima bantuan tersebut tanpa memikirkan strategi dakwah golongan ini.

Di Terengganu misalnya, Salmah (bukan nama sebenar) turut mendapat bantuan dari gerakan tersebut menganggarkan lebih kurang 20 orang lagi wanita sekitar Terengganu telah dibiayai kehidupan mereka oleh pihak rumah ibadat tersebut kerana kehidupan yang miskin. Apabila ditanya jumlah sebenar, Salmah enggan memberitahu. Dia juga tidak dapat memberitahu jumlah sebenar wanita Islam yang sudah menukar agama bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diinginkan berlaku ke atas dirinya (Sahidan Jaafar, 2006).

### 3.2.6 Sistem Pendidikan Islam

Keberkesanan pendidikan juga merupakan salah faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes murtad. Contohnya, kes murtad Aishah Bukhari yang merupakan kelahiran negeri Johor

iaitu sebuah negeri yang dikatakan memiliki sistem pendidikan Islam yang sistematik. Contoh yang lain, seorang paderi Melayu yang bernama Joshua Jamaluddin berasal daripada Batu Pahat, Johor. Persoalan yang timbul adalah sejauh mana keberkesanan sistem pendidikan Islam dalam memastikan pendidikan akidah tertanam dalam jiwa para pelajar.

### 3.2.7 Dakwah Kurang Berperanan

Dakwah merupakan tugas seluruh para utusan Allah. Para utusan ini mengajak kaum mereka supaya beriman dengan Allah dan hanya mengabdikan diri kepada Allah. Akan tetapi, tiada pengecualian dalam hal ini. Allah S.W.T memberi penghormatan kepada umat Islam untuk berkongsi memikul tugas ini bersama Rasulullah s.a.w. Ini jelas menunjukkan bahawa orang yang bertanggungjawab melaksanakan dakwah ini ialah setiap orang Islam lelaki dan mahupun wanita kerana mereka umat Islam (Zaidan, 2002).

Akan tetapi, keadaan berlakunya sebaliknya apabila segelintir masyarakat tidak mengambil peduli tanggungjawab membetulkan keadaan seperti dalam masalah gejala murtad. Sikap tidak memberi nasihat dan tidak mengambil peduli menyebabkan seseorang itu lalai dalam Islam dan seterusnya tidak menghayati Islam. Selain itu, bagi seseorang yang masuk Islam seharusnya diberikan perhatian dan sentiasa menolong mereka. Umat Islam tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab pada pihak yang bertanggungjawab sahaja seperti contoh PERKIM, sebaliknya berganding bahu mengembeleng tenaga melaksanakan dakwah.

### 3.2.8 Diskriminasi Saudara Baru

Sebahagian daripada saudara baru tidak mendapat pembelaan daripada umat Islam dan dibiarkan hidup tersisih. Apa yang mereka pelajari tentang Islam jauh berbeza dengan hakikat yang terpaksa mereka hadapi. Persaudaraan yang ditekankan oleh Islam tidak dapat dirasai oleh mereka, malah mereka diberikan pelbagai gelaran dan panggilan yang boleh mendiskriminasikan mereka dengan umat Islam lain. Sama ada disedari ataupun tidak, sebaran ini menyebabkan perasaan rendah diri dalam kalangan saudara baru semakin kuat (Swee Lan, t.t.). Akhirnya mereka akan bergaul dan bercampur sesama mereka sendiri menyebabkan integrasi serta komunikasi mereka dengan umat Islam lain terputus.

Keadaan ini menyebabkan seseorang saudara baru itu mudah hanyut dan membawa haluan diri masing-masing. Masyarakat Islam berperanan membimbing, memandu dan memimpin mereka supaya akidah bertunas, bertapak kukuh dalam hati mereka. Tanpa mendapat bimbingan yang sempurna, saudara baru ini akan terus tersisih daripada masyarakat. Bagi saudara baru yang berputus asa dengan keadaan dirinya akan mengambil tindakan keluar daripada agama Islam dan kembali kepada agama asalnya.

## ■4.0 CABARAN MASYARAKAT MELAYU-ISLAM

Sejak kemerdekaan Tanah Melayu, umat Islam mengharapkan agar dapat menghapuskan saki-baki gerakan missionari. Tetapi peristiwa Natrah pada tahun 1950 menggugat sentimen orang Melayu-Islam. Maka bantahan awam yang telah dipimpin oleh almarhum Doktor Burhanudin al-Helmi mendapat sokongan rakyat termasuklah seorang anggota polis yang bernama Inspektor Taha Kalu telah menanggalkan uniform polisnya untuk bersama-sama umat Islam yang lain menyatakan bantahan terhadap usaha memurtadkan Natrah (Riduan Mohamad Nor, 2006). Namun Singapura di bawah perintah British telah melaksanakan perintah berkurung. Peristiwa bantahan awam merupakan titik permulaan protes rakyat terhadap isu pertukaran agama di negara ini.

Manakala hari ini, pembangunan era globalisasi menyebabkan nilai-nilai Barat yang masuk tidak dapat dibendung dan kesannya terhakis kepercayaan agama dan menjejaskan benteng kerohanian manusia, yang akhirnya mempengaruhi matlamat hidup hanya melihat kepada dunia semata-mata. Ringkasnya dalam persekitaran hidup yang dipengaruhi oleh falsafah sosial Barat, masyarakat akan terdorong mengetepikan soal haram dan halal, bahkan sanggup mengeneppikan agama. Begitu juga dengan tanggapan yang menyatakan bahawa dengan memeluk Islam seseorang itu kembali ke zaman manusia kuno Badwi. Ini adalah satu tanggapan yang salah kerana selama ini Islam tidak pernah menjadi batu penghalang kemajuan dan tamadun (Qutub, 1977).

Begitu juga dengan pengaruh kemasukan nilai-nilai Barat menyebabkan timbul gaya hidup yang mengetepikan kehidupan beragama. Selain itu ajaran sesat juga bukan suatu fenomena baru di Malaysia. Ia merupakan suatu permasalahan global yang perlu ditangani oleh setiap lapisan masyarakat secara bersepadu. Aliran kepercayaan atau ajaran sesat ini lahir hasil perancangan rapi musuh-musuh Islam. Ia bertujuan merosakkan agama Islam, mewujudkan perpecahan dalam kalangan masyarakat menerusi perbezaan dan percanggahan fahaman, mengubah cara pengamalan mereka terhadap syariah Islam serta menimbulkan krisis dalam kehidupan beragama. Ia berakar umbi dalam setiap diri manusia, tanpa mengira situasi mahupun kondisi sesuatu masyarakat (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1991; Mohamad Kamil Abd Majid, 2004; Farahwahida Mohd Yusof, 2007).

Gejala pertukaran agama atau murtad juga dilihat sebagai satu fenomena yang sangat membimbangkan di negara ini. Murtad merupakan dosa terbesar yang dilakukan oleh seorang Muslim. Dosa yang dilakukannya itu telah menghilangkan identitinya sebagai seorang Islam dan bertukar menjadi seorang yang kafir. Dosa yang dilakukannya itu adalah dosa yang tidak akan diampunkan oleh Allah SWT. Maksud firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari itu (syirik), bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah, maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang sangat besar”

(*Surah al-Nisa*, 4: 48)

Isu pertukaran agama (murtad) sentiasa berlaku sepanjang sejarah beragama. Murtad pernah terjadi di zaman Rasulullah s.a.w., dan juga di zaman-zaman yang lain (Arieff Salleh, 2001). Bahkan Abu Bakar juga masyhur dengan kesungguhannya memerangi kaum yang murtad dengan usahanya membentuk 11 pasukan untuk memerangi nabi-nabi palsu dan orang-orang murtad yang semakin berleluasa sejak kewafatan Nabi Muhammad s.a.w (Muhammad Isa Selamat, 1998). Namun, perbezaan yang berlaku, murtad yang ada di sepanjang zaman hanyalah masalah yang terpencil, berbeza dengan murtad pada zaman kini. Kebelakangan ini, murtad sudah menjadi satu gejala, di mana ramai dalam kalangan umat Islam yang murtad. Gejala ini berlaku disebabkan kejahilan mereka tentang hakikat Islam yang sebenar. Mereka kurang mengenali Islam, bahkan ada yang langsung tidak memahami Islam. Orang yang betul-betul mengenali dan memahami Islam pasti tidak akan meninggalkan Islam, bahkan akan berjuang mempertahankannya. Namun kejahilan telah menimpa umat ini. Dan peluang inilah yang digunakan oleh orang bukan Islam untuk memurtadkan sebahagian umat Islam.

Bila berlakunya murtad, maka ia merupakan satu jenayah. Ini kerana orang yang murtad telah mengkhianati akidah kaum muslimin dan merendah-rendahkannya. Ia juga bererti mengkhianati negara Islam dan mencabar kedaulatannya. Oleh itu, menjadi tugas pemerintah negara Islam untuk mengenakan

hukuman kepada sesiapa sahaja dalam kalangan warganegaranya yang murtad. Hukuman ini adalah untuk mengawal gejala penghinaan terhadap kesucian agama Islam sesudah mengenalinya (Arieff Salleh, 2001).

Menurut Mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Mustafa Abdul Rahman, wanita dipercayai menjadi golongan paling ramai murtad di negara ini (Yulpisman Asli, 2006). Antara individu tersebut ialah Azlina Jailani yang bertukar nama kepada Lina Joy dan menganut agama Kristian. Begitu juga kes Hartinah Binti Kamarudin bertukar ke agama Hindu dan menukar namanya ke Nivashiny Rajeswaran dan telah berkahwin dengan Rajeswaran a/l Jeyaraman di Malaysia Hindu Sangam, Wilayah Persekutuan pada 24 Mac 1996 (Pusat Penyelidikan PAS Pusat, t.th).

Seterusnya kes Siti Mariam binti Mohamed Ismail; seorang wanita Islam yang bertudung labuh yang telah bertukar agama ke agama Hindu melalui surat akuan bersumpah bertarikh 14 Oktober 1997 dan menukar namanya kepada M. Tarini dan telah berkahwin dengan Kalaichelevan a/l Alagapan di Malaysia Hindu Sangam, Wilayah Persekutuan pada 15 Februari 1999. Ibu kepada Siti Mariam, Zubeydah binti Sheikh Mohd telah memfailkan kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mendapatkan pengisytiharan beliau masih beragama Islam kerana belum diputuskan oleh Mahkamah Syariah sebagai murtad dan perintah membatalkan perkahwinannya pada 11 November 2002. Yang Arif Hakim Dato' Raus Sharif telah memutuskan bahawa beliau masih Islam dan perkahwinannya hendaklah dibatalkan. Siti Mariam telah membuat rayuan di Mahkamah Rayuan dan kes masih di Mahkamah Rayuan (*Ibid*).

Selain itu, terdapat juga kes yang telah diluluskan permohonan pertukaran agamanya. Antaranya ialah Siti Salmiah binti Abdul Halim yang telah bertukar ke agama Kristian dan bertukar nama kepada Catherine Josephine melalui perintah Mahkamah oleh Yang Arif Dato' K.C Vohrah pada 9 November 1998. Seterusnya kes Hajee Ismail bin Suppiah @ Salim (No Kes R1-24-31-95) yang telah bertukar ke agama Hindu dan menukar agama kepada Ganesan a/l Suppiah melalui perintah Mahkamah oleh Yang Arif Dato' (sekarang Tan Sri) Ahmad Fairuz bin Dato Sheikh Abdul Halim pada 26 September 1995. Selain itu kes Fadzilah binti Mustafa (No. Kes MT2-21-108-98) yang telah bertukar ke agama Hindu dan menukar nama kepada Risha Sonia a/p Lingam melalui perintah Mahkamah oleh Yang Arif Dato' Wira Haji Mohd Noor bin Haji Ahmad pada 18 November 1998. Seterusnya kes Othman Narasiman bin Abdullah (No Kes MT4-21-109-98) yang telah bertukar ke agama Hindu dan menukar nama kepada Narasiman a/l Kaveri melalui perintah mahkamah oleh Yang Arif Dato' Chin Fook Yen pada 7 Disember 1998. Begitu juga kes Habibamma binti Abdul Jabar (No Kes R1-24-11-98) yang telah bertukar ke agama Hindu dan menukar nama kepada Habimai Rao melalui perintah Mahkamah oleh Yang Arif Dato' K.C Vohrah pada 9 September 1998 (*Ibid*).

Dari tahun 1999-2003 terdapat 750 permohonan pertukaran nama bukan Islam di Jabatan Pendaftaran Negara. Hanya 220 permohonan diluluskan setelah permohonan mengemukakan dokumen rasmi; sama ada dari Jabatan Agama Islam Negeri atau mahkamah negeri bahawa mereka bukan lagi beragama Islam. Dari jumlah tersebut, majoriti mereka yang terlibat ialah golongan muafak (saudara baru) (Mohd Azam Mohamed Adil 2006). Ini merupakan sebahagian daripada kes yang telah dibawa ke mahkamah dan dibicarakan, sedangkan masih terdapat banyak lagi kes yang masih belum selesai serta tertangguh melibatkan mereka yang ingin keluar dari agama Islam. Contohnya di Selangor, sebanyak 109 kes murtad dilaporkan di negeri itu sejak tahun 2007 hingga 2009. Pada tahun 2007 terdapat 27 kes, tahun 2008 42 kes dan 2009 40 kes. Setakat bulan Januari 2010 hanya 3 kes dilaporkan (Nurul Ain Mohd Hussain, 30/1/2010). Walau



bagaimanapun, Mahkamah Syariah di Selangor belum ada sebarang keputusan untuk membenarkan kes murtad dibicarakan.

## ■5.0 MURTAD DARI KACAMATA PERLEMBAGAAN DAN ISLAM

Perlembagaan Malaysia jelas memberi laluan untuk langkah-langkah menangani masalah murtad. Walaupun perlembagaan yang ada bukan perlembagaan yang berteraskan ajaran Islam, namun ia membenarkan umat Islam hidup dan mempertahankan tradisi dan identiti Islam dalam kalangan masyarakat.

Umat Islam mempunyai hak untuk mengekalkan kedudukan yang ada kerana mereka adalah penduduk asal negara ini. Selain itu, apa yang dilihat sebagai menyalahi prinsip sama rata itu juga adalah sebahagian daripada tolak ansur semasa rundingan kemerdekaan dahulu. Malah pihak yang mempertikai langkah mengawal murtad atau cuba menghujah bahawa murtad dibenarkan oleh perlembagaan jelas telah terkeliru atau cuba memutarbelitkan peruntukan-peruntukan yang berkenaan. Pendekatan sedemikian sebenarnya tidak selaras dengan metodologi dan pendekatan dalam pentafsiran perlembagaan (Abdul Aziz Bari, 2003; Ahmad Ibrahim, 1986a; Farid Sufian Shuaib 2000) yang menuntut bahawa sekiranya tidak ada kesamaran sesuatu peruntukan itu harus diberikan makna harfiahnya. Ini hanya boleh dikecualikan jika pendekatan harfiah itu menghasilkan sesuatu yang tidak logik dan zalim. Selain itu, peruntukan mengenai kebebasan beragama jelas dimasukkan kerana ia selaras dengan sejarah negara. Tafsiran-tafsiran ganjil yang cuba mempertahankan gejala murtad jelas mempunyai kesan yang boleh mengganggu struktur dan kerangka perlembagaan; termasuk tafsiran Melayu dalam perlembagaan.

Walaupun bagaimanapun, seharusnya negara yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi ini turut menjadikan sistem perundangan Islam sebagai sistem perundangan utama negara bersesuaian dengan jumlah majoriti penganut agama Islam di negara ini. Secara tidak langsung, masalah murtad ini dapat diselesaikan sehingga ke akar umbi.

Legaliti dan validiti hukuman mati mandatori dalam Undang-undang Jenayah Islam tidak boleh dipertikaikan lagi (Al-Sid, 1995) kerana Perlembagaan Persekutuan Malaysia membenarkan hukuman mati mandatori dijatuhkan ke atas pesalah bagi kes-kes yang tertentu (Hashim Mehat, 1991). Kanun Keseksaan memperuntukkan antara jenayah yang boleh dijatuhkan hukuman mati ke atas pesalahnya ialah bunuh (Seksyen 302, 307), menentang dan memerangi Yang di-Pertuan Agong (Seksyen 121), memberontak (Seksyen 132), memberi saksi palsu yang dengannya menyebabkan pesalah dihukum mati (Seksyen 194). Selanjutnya Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Disemak 1972) turut memperuntukkan beberapa jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati mandatori seperti memiliki atau menyimpan senjata api atau bahan letupan tanpa kebenaran (Seksyen 57(1)), memberi bantuan (senjata, makanan dsb.) kepada pengganas (Seksyen 59). Dalam Akta Senjata Api 1971, antara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati adalah menggunakan senjata api ketika melakukan jenayah seperti merompak, menculik dan peras ugut (Seksyen 3). Dalam Akta Dadah Merbahaya 1952, Seksyen 39B hukuman memperdagangkan dadah adalah mati mandatori.

Persoalan berkaitan bolehkah sesebuah Negara menjatuhkan hukuman mati ke atas seseorang pesalah tidak timbul. Di Malaysia, persoalan ini sudah jelas dan tidak dipertikaikan lagi. Ini boleh dilihat berdasarkan keputusan Hakim Hashim Yeop A. Sani dalam kes *Attorney-General, Malaysia lwn. Chioh Thiam Guan* [1983], 1 M.L.J. 51 dan Hakim Ajaib Singh dalam kes *Public Prosecutor lwn. Yee Kim Seng* [1983] 1 M.L.J. 252.

Keputusan tersebut menjelaskan bahawa hukuman mati mandatori di bawah Seksyen 57(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah tidak ultra vires dan tidak melanggar Artikel 5(1), 8(1) dan 121 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Jika seseorang yang melakukan pemberontakan terhadap negara boleh dikenakan hukuman mati mandatori seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan, Seksyen 121, kenapa pula orang yang murtad tidak boleh dihukum mati? Jika Malaysia telah diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam, maka orang yang mengkhianati Islam juga merupakan pengkhianat negara? Dengan itu hukuman mati mandatori ke atas orang yang murtad adalah praktikal dan tidak berlawanan dengan praktikaliti semasa. Oleh itu ia tidak seharusnya dipertikaikan, tetapi hendaklah dilaksanakan agar kesucian Islam tidak ternoda.

Bagi orang yang murtad pula, bererti mereka telah turun ke martabat yang paling rendah. Manusia tidak layak berada dalam martabat ini. Jika mereka berada dalam ini maka kehidupannya tidak perlu dilindungi. Ini adalah kerana kehidupannya itu sama sekali tiada kebaikan dan tidak mempunyai tujuan yang mengarah kepada kebaikan (Arieff Salleh, 2001).

Dalam aspek yang lain pula, Islam itu adalah jalan yang sempurna dalam kehidupan. Islam menjadi haluan yang mengatur semua perjalanan hidup manusia. Dengan demikian, Islam perlu dijaga, dipegang erat dan ditegakkan. Sesungguhnya setiap peraturan itu tidak akan dapat dikuatkuasakan jika tidak dijaga, dipegang erat dan ditegakkan. Penguatkuasaan ini bertujuan agar tidak ada yang mengingkari dan mengkhianati peraturan tersebut. Sesungguhnya pengkhianat itu adalah musuh yang sentiasa ingin menghancurkan peraturan itu.

Oleh yang demikian, orang yang keluar daripada Islam boleh dianggap sebagai pengkhianat terhadap peraturan-peraturan Islam. Jelasnya ialah tiada hukuman bagi pengkhianat kecuali hukuman yang telah ditetapkan. Semua manusia baik warga negara komunis mahupun kapitalis, apabila mengingkari perlembagaan negaranya tentu akan dituduh sebagai pengkhianat ulung terhadap negaranya. Dalam masalah ini, Islam menetapkan hukuman mati terhadap pengkhianat agama Islam apabila dia tidak mahu bertaubat dan tidak mahu kembali lagi ke dalam Islam (Sayid Sabiq, 1990; Hashim Mehat, 1991). Oleh yang demikian, hukuman bunuh ke atas pesalah jenayah murtad adalah sesuatu yang tidak bercanggah dengan hukum semasa bahkan ia wajar dilaksanakan sesuai dengan kedudukan agama Islam sebagai agama yang suci.

## ■6.0 KESIMPULAN

Isu murtad dalam kalangan umat Islam tidak boleh dipandang ringan. Hal ini merupakan satu isu besar yang harus ditangani oleh semua pihak. Ia perlu dibendung lebih awal agar umat Islam tidak mudah dipesongkan oleh musuh Islam. Oleh yang demikian, agama Islam adalah satu-satunya agama yang dapat menyelamatkan umat manusia di dunia dan akhirat. Tidak ada agama yang paling sempurna selain Islam dan tidak ada ajaran dan pegangan yang paling baik dan indah selain yang ada dalam Islam. Islam sahajalah agama yang diperakui oleh Allah Taala. Firman-Nya:

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya. (Pselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya.”

(*Surah Ali 'Imran*, 3: 19)

Firman-Nya lagi:

“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak daripada kalangan orang-orang yang rugi.”  
(Surah Ali ‘Imran, 3: 85)

Justeru itulah sejak dari awal lagi, Rasulullah s.a.w bersama para sahabat bersungguh-sungguh berkorban jiwa dan harta mengajak manusia memeluk Islam agar mereka selamat dan sejahtera. Kemudian membimbing mereka agar teguh dan tidak rela meninggalkan agama ini (Islam) walau dalam apa keadaan sekalipun.

### Penghargaan

Penulis mengucapkan setinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Teknologi Malaysia atas sokongan kewangan yang diberikan bagi menjalankan kajian ini.

### Rujukan

- Abdul Aziz Bari. 2003. *Malaysian Constitution: A Critical Introduction*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Abdul Aziz Bari. 2006. *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Monir Yaacob. 1992. Reformasi Undang-Undang Islam di Malaysia. *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim. 1986a. Interpreting the Constitution—Some General Principles, dalam F. A Trindade & H. P. Lee (Ed.). *The Constitution of Malaysia: Further Perspective and Developments*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ahmad Ibrahim. 1986b. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Aninah Janang. 2006. Tolong Selamatkan Gadis-Gadis Pulau Pinang. *Mastika*. Disember, 93–97.
- Arief SALLEH Rosman. 2001. *Murtad Menurut Perundangan Islam*. Skudai: Penerbit UTM.
- Arthur, C. J. 2000. *Religious Pluralism: A Metaphorical Approach*. USA: The Davies Group Publishers.
- ‘Awdah, ‘Abd al-Qadir. 1994. *al-Tashri’ al-Jina’i al-Islami Muqarinan bi al-Qanun al-Wad’i*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Baihaqi. (t.th.). Syu’ab al-Iman. *Al-Maktabah al-Syamilah* (Computer Program).
- Farahwahida Mohd Yusof. 2007. *Aliran Kepercayaan: Sejarah dan Perkembangannya di Malaysia*. Skudai: Penerbit UTM.
- Farid Sufian Shuaib. 2000. *The Courts and Approaches to Constitutional Interpretation*. 8 IIUMLJ 151.
- Farid Sufian Shuib. 2005. *Murtad: Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Hashim Mehat. 1991. *Malaysian Law & Islamic Law On Sentencing*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Hashim Yeop A. Sani. 1980. *Our Constitution*. Kuala Lumpur: The Law Publishers (M) Sdn. Bhd.
- Ibn Baz, ‘Abdul‘Azez ibn ‘Abdullah. 1998. *Word of Advise Regarding Dak’wah*. Translation by Bint Feroz Deen & Bin ‘Abd al-Ghafoor. Birmingham: Al-Hidayah Publishing and Distribution.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 1991. *Mengenal Ajaran Sesat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan Akidah JAKIM.
- Kerajaan Malaysia. *Kanun Keseksaan*.
- Kerajaan Malaysia. 1952. *Akta Dadah Merbahaya*.
- Kerajaan Malaysia. 1988. *Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak - 1988)*.
- Kerajaan Malaysia. 1971. *Akta Senjata Api*.
- Kerajaan Malaysia. 1972. *Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Disemak 1972)*.
- Kerajaan Malaysia (Hingga 5 Mac 2008). *Perlembagaan Persekutuan*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Kerajaan Negeri Kedah. 1988. *Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam*.
- Kerajaan Negeri Melaka. 1988. *Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam*.
- Kerajaan Negeri Perak. 1992. *Enakmen Jenayah (Syariah)*.
- Kerajaan Negeri Selangor. 1995. *Enakmen Jenayah Syariah*.
- Laman Web Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor. Diakses pada 17 Julai 2012 daripada [www.jais.gov.my](http://www.jais.gov.my).
- Mardiana Nordin & Hasnah Hussin. 2001. *Pengajian Malaysia*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mohamad Kamil b. Abd. Majid. 2004. Penyelewengan Aqidah: Punca Dan Implikasinya Kepada Umat Islam. *Seminar Pemantapan Aqidah Peringkat Negeri Selangor*. 7 Ogos 2004. Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Mohd Azam Mohamed Adil (2006, 9 November). Bahaya Mainkan Isu Murtad di Malaysia. *Utusan Malaysia*.
- Mohd Hilmi Ramli. 2006. Tanggapan Islam Terhadap Pluralisme. Diakses pada 10 Mac, 2012, daripada <http://ummahonline.wordpress.com>.
- Mohd Salleh Abas. 1985. *Unsur-unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Isa Selamat. 1998. *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenainya*. Kuala Lumpur: Darul Nu’man.
- New Strait Times. (2006, 9 Mac). *Malaysian Muslim Applies to Renounce Faith*. Diakses pada 10 Mac, 2012, daripada <http://islam-watch.org>.
- Nor Zainah Nordin. (2009, 24 Februari). Tidak Boleh Keluar Islam. *Utusan Malaysia*. Diakses pada 10 Mac, 2012, daripada <http://www.utusan.com.my>.
- Nurul Ain Mohd Hussain. 2010. Pengaruh Rakan Sebaya Penyebab Murtad di Selangor. *MStar Online*. Sabtu, 30 Januari 2010. Diakses pada 17 Julai 2012 daripada <http://www.mstar.com.my>.
- Pawancheek Marican. 2010. Sekatan Penyebaran Agama Bukan Islam di Kalangan Orang Islam, di bawah Perlembagaan Malaysia. Diakses pada 10 Mac, 2012, daripada <http://www.onmalaysianlaw.com>.
- Pusat Penyelidikan Pas Pusat. (t.th). *Murtad Barah Ummah*. Kuala Lumpur: Terbitan Badan Bertindak Anti-Murtad, Pusat Penyelidikan Pas Pusat.
- Qutub, Muhammad. 1977. *Salah Faham Terhadap Islam*. Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan Mahasiswa Islam Antarabangsa.
- Sahidan Jaafar. 2006. Kami Perjudikan Akidah Untuk Beri Makan Anak-Anak! *Mastika*. November, 40–49.
- Salman Hussin. 2006, 7 Nov. Peminjam Alodng Diajak Murtad. *Harakahdaily*. Diakses pada 10 Mac, 2012, daripada <http://www.harakahdaily.net>.
- Sayid Sabiq. 1990. *Fikih Sunnah*. Jil. 9. Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Al-Sid, Muhammad ‘Ata Sid Ahmad. 1995. *The hudud*. t.tp.: t.p. *Suruhanjaya Reid*. Februari 1957. Kuala Lumpur: Government Press.
- Swee Lan. Mengatasi Murtad Di Kalangan Saudara Baru. *HarakahDaily*. Diakses pada 17 Julai 2012 daripada [members.tripod.com](http://members.tripod.com).
- Temubual dengan Profesor Dr. Mohd Hatta Saharom, Presiden Jamaah Islah Malaysia di pejabat JIM pada 31.03.08.
- Yulpisman Asli. 2006, 8 November. Kebanyakan yang Murtad Wanita. *Utusan Malaysia*. Diakses pada 10 Mac, 2012, daripada <http://www.utusan.com.my>.
- Wan Mohd Hafiz Wan Hamzah. 2007. Anak VVIP Bertaubat Selepas Murtadkan 500 Orang Melayu. Diakses pada 10 Mac, 2012, daripada <http://grenbara.bravejournal.com>.
- Wan Nordin Wan Yaacob. (t.th.) Remaja Disogok Wang, Perempuan, Telefon Bimbit Supaya Murtad? *Harakahdaily*. Diakses pada 10 Mac, 2012, daripada <http://www.harakahdaily.net>.
- Zaidan, Abdul Karim. 2002. *Islam & Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.